



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM MENGALU-ALUKAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PELBAGAI PIHAK DALAM MENYANTUNI KUMPULAN SASAR KEMENTERIAN

CHERAS, 25 MAC – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini menghadiri Majlis Penyerahan Kit Makanan Ramadan dan Berbuka Puasa Bersama Kumpulan Sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertempat di Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheras, Selangor. Majlis Penyerahan Kit Makanan Ramadan dan Berbuka Puasa Bersama Kumpulan Sasar KPWKM ini merupakan sebahagian daripada usaha kolaborasi strategik Awam-Swasta antara KPWKM dan syarikat 99 Speed Mart Sdn. Bhd.

Pada hari ini, pihak 99 Speed Mart Sdn. Bhd. melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bekerjasama dengan KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menghulurkan sumbangan kepada penerima bantuan JKM khususnya di negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Kerjasama strategik ini menunjukkan hubungan yang harmoni antara Kerajaan dan swasta dalam membantu masyarakat yang memerlukan.

Sebagai permulaan kerjasama ini, seramai 1,500 orang penerima bantuan JKM akan menerima sumbangan berupa barangan keperluan asas sebagai persediaan sambutan Aidilfitri seperti tepung gandum, paket bihun, kordial ros, buah kurma, gula pasir, biskut krim, paket minuman coklat dan lain-lain lagi.

Daripada 1,500 orang itu, seramai 1,000 orang penerima bantuan adalah dari Selangor manakala 500 orang lagi dari Kuala Lumpur yang mendapat manfaat daripada kerjasama ini.

Kementerian mengalu-alukan syarikat-syarikat korporat dan swasta untuk menjalankan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama agensi di bawah Kementerian demi kesejahteraan kumpulan sasar KPWK. Sejak tahun 2022 hingga 2023, sebanyak 13 buah syarikat telah menyumbang pelbagai bentuk barangan dan peruntukan tunai melalui JKM kepada kumpulan sasar KPWK yang memerlukan.

Turut serta dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YBrs. Encik Norazman bin Othman, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBhg. Encik Yong Eng Kwang, Ketua Pegawai Operasi, 99 Speed Mart dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi.

#####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
25 MAC 2024**